

Headline	FRIM menang anugerah harta intelek		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Oct 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	11	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	343 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,841
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,523



FRIM menang anugerah harta intelek

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mencipta satu sejarah gemilang apabila berjaya meraih tempat pertama Anugerah Harta Intelekt Negara 2014 (AHIN 2014) untuk Kategori Paten bagi ciptaan sistem pengeringan kayu suhu tinggi yang mesra alam.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, kejayaan tersebut menandakan keupayaan penyelidik agensi terbabit dalam industri perikanan yang diiktiraf dan berkualiti.

“Teknologi HTD (rawatan kayu getah menggunakan pengeringan suhu tinggi) ini dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh industri kayu-kayan tempatan berkaitan halangan serta syarat-syarat perdagangan semakin ketat yang ditetapkan oleh negara-negara maju dalam memastikan penggunaan produk-produk lebih mesra alam,” ujarnya.

Beliau mengetuai perwakilan FRIM termasuk pegawai-pegawai yang terlibat seperti Choo Kheng Teng dan Dr. Woon Weng Chuen, yang hadir di majlis penyampaian anugerah di ibu negara baru-baru ini untuk menerima hadiah berupa trofi, pingat Pertubuhan Harta Intelekt Sedunia (WIPO), sijil penghargaan dan wang tunai RM10,000.

Katanya lagi, sistem tersebut bukan sahaja berjaya menghapuskan penggunaan bahan pengawet, malah juga dapat memendekkan masa kitaran memproses sebanyak lebih 75 peratus.

Di samping itu, kualiti kayu getah dirawat menggunakan HTD didapati baik secara umumnya serta terbukti mempunyai kestabilan dimensi lebih tinggi berbanding kayu yang dirawat dengan kaedah konvensional.

Sistem HTD merupakan salah satu daripada 13 inovasi yang disenarai pendek daripada 90 penyertaan bagi kategori ini. Tempat kedua dan ketiga telah dimenangi oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Penyelidik utama yang

membangunkan sistem ini, Dr. Sik Huei Shing dan Choo, telah membuat pembentangan di ibu pejabat MyIPO pada 3 April lalu untuk penilaian akhir bagi menentukan pemenang utama kategori tersebut.

Dr. Abd Latif turut hadir semasa sesi pembentangan untuk memberi input beliau bersama Andre Accad, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Advanced Low Pressure System (ALPS) Sdn. Bhd. yang merupakan rakan kerjasama FRIM dalam mengkomersialkan sistem HTD.

Majlis AHIN, anjuran bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) sempena Hari Harta Intelekt Negara semenjak tahun 2006, itu disempurnakan oleh Menteri, Datuk Seri Hasan Malek.

FRIM telah memperolehi paten untuk sistem HTD ini dari Amerika Syarikat pada Mac 2013 serta; dari Malaysia pada Oktober 2013; dan dari Singapura pada Ogos 2014. FRIM juga telah memfailkan paten di enam buah negara lain iaitu Thailand, Vietnam, Indonesia, China dan India.

Teknologi HTD ini telah memenangi pelbagai anugerah termasuk:

- Anugerah Inovasi Negara 2013 (Kategori Produk) - Malaysia;
- Green Invention Order of Merit Award 2013 - World Inventor Award Festival - Korea;
- Forestry Order of Merit Award 2013 - World Inventor Award Festival - Korea.

Baru-baru ini juga, Dr. Sik juga telah diumumkan sebagai salah seorang pemenang Anugerah Penyelidikan Kedoktoran Cemerlang IUFRO (Kesatuan Pertubuhan Penyelidikan Hutan Antarabangsa) bagi ijazah kedoktorannya mengenai pembangunan teknologi HTD. Majlis penyampaian anugerah ini akan diadakan pada 10 Oktober 2014 sempena Kongres Sedunia IUFRO ke-24 di Salt Lake City, Amerika Syarikat.

Headline	FRIM menang anugerah harta intelek		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Oct 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	11	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	343 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,841
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,523



DR. Abd. Latif (tiga dari kanan) bersama pasukan penyelidik dan wakil FRIM selepas majlis penyampaian anugerah di ibu negara, baru-baru ini.